






SIARAN AKHBAR

**INDEKS HARGA HARTANAH KEDIAMAN (RPPI)
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI SUKU KEEMPAT 2019 (Q4 2019)**

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), telah menerbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman atau *Residential Property Price Index* (RPPI) Negara Brunei Darussalam bagi suku keempat 2019. Indeks ini dihasilkan dengan data-data yang diperolehi daripada bank-bank di Negara Brunei Darussalam dan diterbitkan dengan kerjasama pihak Kementerian Pembangunan, khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi).
2. Pada suku keempat tahun 2019, RPPI menunjukkan peningkatan sebanyak 9.8% tahun-ke-tahun kepada 95.3 berbanding dengan suku keempat tahun 2018, dan penurunan sebanyak 0.2% berbanding dengan suku ketiga tahun 2019.

Tempoh	Indeks (Q1 2015 = 100)	Perubahan (%)	
		Dari Q4 2018	Dari Q3 2019
Q4 2019	95.3	9.8%	-0.2%





3. Berdasarkan data pinjaman bagi pembelian hartanah kediaman yang diperolehi daripada bank-bank, sebanyak 111 transaksi pembelian hartanah kediaman telah dicatatkan pada suku keempat tahun 2019. Kebanyakan daripada transaksi tersebut adalah bagi pembelian rumah *detached* (45.05%), diikuti oleh rumah berkembar atau *semi-detached* (24.32%), rumah teres (18.92%) dan pangsapuri (11.71%). Tiada transaksi untuk tanah bagi suku keempat 2019.
4. Harga median bagi pembelian kesemua jenis hartanah kediaman pada tempoh suku keempat tahun 2019 adalah BND258,000. Harga median bagi pembelian rumah *detached* adalah BND285,000, bagi rumah berkembar atau *semi-detached* adalah BND271,000, bagi rumah teres adalah BND225,000 dan bagi pangsapuri adalah BND223,000. Harga median secara keseluruhan bagi pembelian hartanah kediaman pada tempoh suku keempat tahun 2019 adalah lebih tinggi berbanding dengan suku keempat tahun 2018 di mana peningkatan sebanyak 2.4% telah dicatatkan. Jika dibandingkan dengan suku ketiga 2019, harga median bagi pembelian hartanah kediaman bagi suku keempat telah menurun sebanyak 0.8%.
5. AMBD ingin memaklumkan bahawa indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak hanya bergantung kepada indeks dan statistik ini dalam menilai mana-mana hartanah kerana harga hartanah kediaman adalah berbeza tertakluk kepada, antara lain, lokasi, saiz tanah dan keluasan lantai.
6. Bagi maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini boleh didapati di laman web AMBD (www.ambd.gov.bn). Maklumat terkini mengenai RPPI juga akan dikeluarkan dari masa ke masa melalui akaun Instagram AMBD @autoriti_monetari.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 8 Syaaban 1441H/ 2 April 2020M

Rujukan: AMBD/COMMS/3